

TEKS UCAPAN
YBHG. PROFESOR Ts. DATUK Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEMBARA UMRAH BERSAMA
PUSAT ISLAM UTeM DENGAN KERJASAMA UHSB
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

اونیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک
18 November 2024, Dewan Auditorium FTKIP, 12.00 tengahari
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Alhamdullillah, terlebih dahulu saya ingin merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah mengizinkan kita semua untuk berkumpul pada hari ini bagi meraikan majlis yang **buat julung-julung kalinya dianjurkan oleh UTeM, iaitu Program Kembara Umrah dan Ziarah bersama Pusat**


Islam UTeM dengan kerjasama UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB).

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Prof. Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff, selaku Care Taker UTeM Holdings Sdn. Bhd. serta pasukan UHSB di atas kesudian UHSB melaksanakan kerjasama bagi penganjuran Program Kembara Umrah UTeM-UHSB ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

3. Saya juga ingin merakamkan rasa kesyukuran serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih


kepada pihak UHSB, yang telah bersetuju seterusnya memberikan **Pendahuluan Bayaran serta Pemberian Subsidi Tajaan sebanyak 30% dari harga Paket Umrah kepada peserta yang layak bagi Program Kembara Umrah UTeM-UHSB ini.**

- 
4. Tidak lupa juga kepada YBrs. Ustaz Muhammad Asyraf bin Sulaiman, selaku Pengarah Pusat Islam dan seluruh staf Pusat Islam serta staf UTeM atas usaha dan kesungguhan merancang, menyelaras seterusnya melaksanakan **Program Kembara Umrah dan Ziarah UTeM-UHSB buat julung-**


julung kali ini! Sesungguhnya, program ini akan memberi impak yang sangat besar untuk universiti serta pengalaman yang berharga kepada peserta – peserta yang terlibat.

5. Tidak dilupakan, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada **YBrs. Ustaz Haji Mohd Ikram bin Ahmad Badaruddin, selaku Pengarah Alam Shah Travel & Tours Sdn. Bhd.** serta seluruh pasukan Alam Shah Travel di atas kesudian menjadi agensi yang akan membawa peserta Umrah dan Ziarah UTeM pada tahun ini, selain bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal berkaitan perjalanan Umrah Tanah Suci ini. **Pihak UTeM amat-amat**

mengharapkan perkhidmatan dan servis yang terbaik daripada pihak Alam Shah Travel. Biarlah perjalanan Umrah jemaah UTeM ini menjadi kenangan termanis dan paling diingati dalam hidup mereka.

- 
6. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah terpilih menjadi Tetamu Allah (*Dhuyuuf Ar-Rahmaan*) ke Baitullah pada tahun ini. Tuan-tuan dan puan-puan haruslah memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas peluang serta rezeki ini, kerana sesungguhnya Tuan-tuan dan Puan-puan telah terpilih di antara jutaan umat

Islam di Malaysia bahkan di Dunia ini, yang menyimpan hasrat untuk menjadi Tetamu Allah SWT (*Dhuyuuf Ar-Rahman*) ini. Alhamdulillah, doa Tuan-tuan dan Puan-puan telah hampir dimakbulkan oleh Allah SWT dengan dikurniakan rezeki untuk ke Tanah Suci ini.



Sidang hadirin yang saya kasih sekalian,


7. Program Kembara Umrah dan Ziarah Bersama Pusat Islam ini dianjurkan bertujuan bagi menyokong agenda Pelan Strategik Universiti serta agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui pembentukan sahsiah, penjanaan pendapatan serta jaringan kerjasama pintar antara pihak

Universiti bersama UHSB serta Agensi Pengendali Umrah yang dilantik.

8. Program ini telah memberi peluang kepada staf UTeM, untuk melaksanakan ibadah Umrah secara ‘Pembangunan Tanpa Faedah’ (0%). Staf daripada kumpulan sokongan dan pelaksana juga turut diberikan subsidi tajaan sebanyak 30% dari harga pakej yang dipilih.

9. Buat makluman semua **BELUM ADA MANA – MANA UNIVERSITI MAHUPUN AGENSI YANG**

**MELAKSANAKAN PROGRAM UMRAH SECARA
‘PEMBIAYAAN TANPA FAEDAH’ (0%) SEPERTI YANG
UTeM LAKSANAKAN INI..! Ditambah pula oleh SUBSIDI
TAJAAN..!**

- 
10. Inilah sebenarnya antara perjuangan UTeM, demi kebajikan dan kemaslahatan Tuan-tuan dan Puan-puan. **Untuk makluman semua juga, BELUM ADA LAGI kadar pakej Umrah PREMIUM sewaktu musim puncak (dengan Jarak Hotel Dekat dan Tiket Keretapi BULLET TRAIN Madinah ke Mekah), pada harga sekitar RM8,000.00+/- (Selepas mendapat tajaan UHSB).**

11. Sesungguhnya kemudahan-kemudahan ini dilihat bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud :
“Sesiapa yang melapangkan seorang mukmin daripada kesusahan dunia, maka Allah SWT akan melapangkannya daripada kesusahan di hari Kiamat ...”

12. Saya difahamkan, bagi Program Kembara Umrah UTeM julung-julung kali (tahun 2024) ini, seramai **39** orang peserta telah mendaftar seterusnya menyertai program kali ini. Peserta ini adalah dari kalangan Warga UTeM, Ahli Keluarga mereka serta Pesara UTeM.

13. Daripada jumlah 39 ini, seramai **27 orang peserta** daripada kalangan staf UTeM telah menggunakan kemudahan **Skim Pembiayaan Umrah Tanpa Faedah (0%)** UTeM-UHSB, di samping **22 orang** staf UTeM telah terpilih untuk menerima subsidi penajaan sebanyak 30% dari harga pakej Umrah yang dipilih tajaan daripada UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB).

14. Buat makluman semua, pihak UTeM Holdings Sdn. Bhd. telah membelanjakan Kos Pendahuluan Umrah sebanyak **RM310,585.00..!** bagi program tahun 2024 ini.

(Sama-sama kita berikan tepukan kepada UTeM Holdings). Dengan itu, **Staf UTeM yang berkelayakan, dapat membuat ‘Pembangunan Tanpa Faedah (0%)’ bagi pakej Umrah sehingga tempoh 5 tahun dengan kadar bayaran semula melalui kaedah potongan gaji serendah RM132.00/ sebulan.**

15. Dalam waktu yang sama, pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ~~IVE~~ sangat-sangat menyokong ~~AL MELA~~ usaha dan perancangan Pusat Islam dalam melaksanakan program yang berimpak tinggi kepada Universiti. Sesungguhnya,

program Umrah dan Ziarah ini juga merupakan salah satu daripada Program yang berimpak tinggi.

16. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti agar program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa-masa akan datang. Hal ini diharapkan agar, lebih ramai lagi warga UTeM dapat diberi peluang untuk menjelaskan kaki ke Tanah Suci.

17. Akhir kata dari saya, saya ingin sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara

langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Umrah UTeM-UHSB ini.

18. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Tuan-tuan dan Puan-puan, disamping turut mendoakan agar perjalanan Tuan-tuan dan Puan-puan ke Tanah Suci diberikan kemudahan oleh Allah SWT. Saya juga turut mendoakan agar amal ibadah kalian diterima oleh Allah SWT. Insyaallah.

19. Justeru dengan lafaz Bismillahirrohmannirrahim, **saya**
dengan ini MERASMIKAN SETERUSNYA
MELANCARKAN PROGRAM KEMBARA UMRAH DAN
ZIARAH BERSAMA PUSAT ISLAM UTeM DENGAN
KERJASAMA UTeM HOLDINGS SDN. BHD.

Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullah Wabarakatuh.

اوپیزه سیتی بیکننک ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA